

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1995/96

Oktober/November 1995

STU431 - Dasar dan Perancangan Sosial

Masa : [3 Jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA (3)** soalan. Soalan **BAHAGIAN A WAJIB** dijawab. Pilih **DUA (2)** dari **LIMA (5)** soalan dalam **BAHAGIAN B**.

BAHAGIAN A (WAJIB)

1. Apakah yang dimaksudkan dengan Dasar Sosial? Sebutkan dua (2) elemen penting dalam mengkaji Dasar Sosial. Bincang mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi penggubalan sesuatu dasar. Beri contoh dalam jawapan anda.

[40 markah]

BAHAGIAN B [Pilih **DUA (2)** dari **LIMA (5)** soalan].

2. Ada empat (4) model Perancangan Sosial yang telah ditinjau dalam kuliah kursus. Pilih tiga (3) dari empat model ini. Beri penjelasan ringkas atas tiga model ini.

[30 markah]

3. (a) Apakah yang difahamkan dengan "Perancangan Berpenyertaan".
(b) Apakah tujuan, kebaikan dan kritikan pendekatan ini.
(c) Adakah perancangan ini sesuai dilaksanakan di Malaysia.

[30 markah]

...2/-

4. Pilih **dua (2)** jenis dasar sosial yang telah dibincang dalam kursus. Bandingkan:
- (a) Objektif dan matlamat
 - (b) Golongan sasaran
 - (c) Kekuatan dan kekurangan
- [30 markah]
5. Pemahaman mengenai ILMU dan KEPERLUAN adalah sangat penting dalam pengkajian penggubalan dasar. Apakah yang diperlukan untuk memahami mengenai ILMU (Knowledge) dan KEPERLUAN (Needs) dalam konteks perancangan dan dasar sosial.
- [30 markah]
6. Analisa Dasar merupakan satu disiplin tersendiri yang perlu diketahui. Apakah fahaman anda mengenai Analisa Dasar? Huraikan **lima (5)** alat yang digunakan untuk Analisa Dasar.
- [30 markah]

-- oo oOo oo --